



## **Bangunan UMNO Taman Kemas tergadai?**

Bagaimana ianya berlaku dan kenapa ia berlaku - inilah soalnya yang hendak diketengahkan oleh penulis. Kenyataan ini diberikan oleh warga Pulai melalui e-mel yang merakan Ahli Parlimen Pulai itu sendiri telah gagal melakukan tanggungjawabnya bukan sahaja kepada warga Pulai sendiri tetapi juga kepada Umno Cawangan dibawah tanggungjawabnya sendiri.

Di mana UMNO Taman Kemas?

Umno Taman Kemas terletak didalam kawasan perumahan Taman Kemas yang dahulunya dinamakan Taman Siantan. Dahulunya Umno Taman Kemas tidak mempunyai sebuah bangunan atau apa-apa jua bangunan yang dijadikan tempat aktiviti Umno dijalankan. Aktiviti hanya dijalankan melalui rumah ke rumah jawatankuasa sahaja dari masa kesemasa.

Bagi mendapatkan satu bangunan khusus untuk aktiviti Umno cawangan ini, bekas Ketua Cawangan (telah kembali ke rahmatullah) melalui jawatankuasanya telah mengambil inisiatif melalui tindakan berani dengan memohon kawasan "green" atau kawasan hijau dalam istilah pembangunan riadah/rekreasi iaitu satu kawasan lapang yang dimiliki oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Dalam masa yang sama juga, pihak Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia sedang mencari-cari satu tapak sesuai untuk dijadikan Ibu Pejabat di Johor Bahru. Hasil perbincangan kedua pihak, diputuskan Umno mencari tapak dan Persatuan Silat Cekak itu menyediakan peruntukan untuk bangunan. Hasilnya ialah apabila bangunan itu siap, ianya akan dikongsi bersama dengan menyediakan dua bangunan yang dicantumkan bersebelahan dan mengguna-sama kawasan padang sediada untuk aktiviti masing-masing secara bertolak-angsur.

Projek ini menjadi realiti apabila kelulusan tapak diperolehi dari MBBJ dan persetujuan untuk membina bangunan tersebut dibuat secara lisan tanpa apa-apa perjanjian bertulis sehinggalah Ketua Cawangan ini menghembuskan nafasnya terakhir.

Beginilah lumrahnya manusia, apabila kedua-dua persatuan mempunyai pemimpin yang baru maka berlakulah pergeseran dikalangan mereka siapakah yang memiliki bangunan tersebut. Maka berlakulah pergelutan untuk menguasai persekitaran tersebut sehinggalah perkara ini dipanjangkan kepada Ahli Parlimen Pulai sendiri. Dato' Nurjazlan hadir pada mesyuarat pertama dalam usaha untuk mencari persefahaman dikalangan dua persatuan ini.

Sementara itu, tindakan-tindakan liar mula dilakukan oleh segelintir ahli-ahli persatuan silat tersebut hinggalah kepada tuduh-menuduh dan fitnah mengatakan Ketua Cawangan memusnahkan peralatan persatuan silat ini. Apabila kes ini dirujuk kepada pihak Polis maka Polis telah mengarahkan agar melarang kedua-

dua pihak menjalankan apa-apa aktiviti di kawasan tersebut. Maka mulai saat itu sehinggalah sekarang ini, bangunan Umno Cawangan Taman Kemas, Bahagian Pulai telah tergadai.

Soalnya kini mulai timbul dikalangan ahli Umno - kenapa perkara ini berlaku? Apakah tanggungjawab dan susulan yang dilakukan oleh Nurjazlan sebelum ini atau ia beranggapan perkara ini perkara remeh atau sememangnya beliau sendiri bodoh dan tak punyai pengaruh untuk menyelesaikan soal sedemikian?

Penduduk dan ahli-ahli Umno Taman Kemas telah mula bersuara - kemana perginya Ahli Parlimen Pulai dalam soal menyelesaikan kemelut ini. Kalau Datuk Nurjazlan tak tahu apa nak dibuat, penulis ada formula-formula yang boleh menyelesaikan kemelut ini untuk kebaikan bersama. Tetapi sebelum itu beliau kenalah kerja keras untuk menyelesaikan soal pokok dahulu, iaitu mengekalkan kesetiaan ahli-ahli Umno Taman Kemas supaya tidak berpecah belah.

Dengar khabar, Ketua Umno Taman Kemas itu uzur dan ada pergeseran dalaman Umno Cawangan tersebut. Tak ada ke Datuk Nurjazlan nak menziarahi Ketua Umno Cawangan yang terbaring tu? Kalau Tokmat dahulu, dah pasti beliau akan menjenguk sesiapa sahaja ahli Umno yang terbaring. Inilah kelebihan Tokmat yang Datuk Nurjazlan tak ada.

Kemelut dalam Umno Taman Kemas, Pulai itu juga perlu diberikan perhatian serius kerana ia melibatkan soal kesetiaan parti. Jangan nanti ahli dah bosan yang pasti Jazlan tak akan dapat undi mantap. Soalnya bukan kerana ahli Umno Cawangan ini sedikit tetapi pengaruh yang ada dikalangan ahli-ahlinya kelak akan tersebar kepada bahagian-bahagian lain.

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.